

## TAJUK : MENTAATI UNDANG-UNDANG

Syariah	berjudi	dua	kebaikan	dilarang
pesalah	mahkamah	melanggar	keadilan	perintah

Peraturan atau undang-undang adalah suatu \_\_\_\_\_ atau arahan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak tertentu dan wajib dipatuhi. Jika peraturan dan undang-undang negara dilanggar dan diingkari maka \_\_\_\_\_ dikenakan tindakan sewajarnya.

Peraturan dan undang-undang di Negara Brunei Darussalam terbahagi kepada \_\_\_\_\_ bahagian, iaitu *Undang-undang Sivil* dan *Undang-undang Syariah (agama)*. Pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melantik \_\_\_\_\_ tertentu untuk menguatkuasakan undang-undang. Undang-undang Sivil di bawah Mahkamah Sivil dan Undang-undang Syariah di bawah Mahkamah \_\_\_\_\_.

Kedua-dua mahkamah bertujuan menegakkan \_\_\_\_\_. Orang-orang yang sabit kesalahannya akan didenda atau dijatuhi hukuman oleh pihak mahkamah. Mematuhi peraturan dan undang-undang banyak faedah dan \_\_\_\_\_ kepada masyarakat. Oleh itu, jauhilah perkara-perkara yang boleh \_\_\_\_\_ peraturan dan undang-undang negara.

Salah satu contoh kesalahan undang-undang sivil ialah membawa masuk barang-barang yang \_\_\_\_\_ seperti rokok. Minum arak dan \_\_\_\_\_ pula contoh kesalahan undang-undang syariah.